جابتن عالم سكيتر نكري ڤولو ڤينڠ
**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU PINANG**
ARAS BAWAH - ZON B
WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA
13200 KEPALA BATAS
PULAU PINANG

*Telefon* : 04-575 1911
*Telefax* : 04-575 1455

QUALITY SYSTEM
SIRIM
STANDARDS MALAYSIA
MS ISO/IEC 17021: 2006
QS 02121999 CB 01
PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO.SIJIL : AR 5141

"Pemeliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

*Ruj. Tuan:*
*Ruj. Kami:* AS(B)BL38/329/000/013
SK:KB Jld 3 (3)
*Tarikh:* 9 Januari 2015
*Bersamaan*

Pengarah Urusan
NI Malaysia Sdn Bhd
No. 8, Lebuh Batu Maung 1
**11960 BAYAN LEPAS**
**PULAU PINANG**

Tuan,

**Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 Bagi Menaiktaraf Sistem Pengolahan Efluen Di No 8, Lebuh Batu Maung 1, 11960 Bayan Lepas untuk Tetuan NI Malaysia Sdn Bhd**

Saya merujuk kepada permohonan tuan yang diterima melalui juruperunding KIJ Ultra Supreme Filtration Sdn Bhd bertarikh 18 Disember 2014 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang mengambil maklum cadangan tuan bagi menaiktaraf sistem pengolahan efluen di premis tuan tersebut di atas. Tuan hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 , Dokumen Panduan Mengenai Reka Bentuk dan Operasi Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian, dan Dokumen Panduan Mengenai Pemantauan Prestasi Sistem Pengolahan Efluen yang dikeluarkan baginya.

3. Pihak tuan diminta mengemukakan maklumat berikut untuk tindakan Jabatan ini :-

3.1 Akuan Bertulis yang telah lengkap dan disahkan;

3.2 *As built drawings* ; dan

4. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat di atas tidak lewat 30 hari dari tarikh *commissioning* sistem pengolahan efluen tersebut.

../2-

5. Adalah diingatkan bahawa pelepasan efluen hendaklah sentiasa mematuhi standad B Jadual Kelima dan Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Sekian, dimaklumkan.

**"SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(ZAKARIA AHMAD@MOHD)**
b.p : Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

s.k. KIJ Ultra Supreme Filtration Sdn Bhd
12, Lorong Usahajaya 3
Kawasan Perindustrian Usahajaya
**14000 BUKIT MERTAJAM**